

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – POLISI INSURANS WANG TUNAI (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Polisi Insurans Wang Tunai</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01-01-2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Polisi Insurans Wang Tunai Tarikh :</p>
--	---

1. Apakah produk ini?

Polisi ini bertujuan untuk melindungi industri atau perniagaan daripada kehilangan wang tunai, yang mungkin dibawa oleh penghantar, dan/atau pekerja orang yang diinsuranskan dan mungkin juga ketika transit dari satu tempat ke tempat lain, ketika di buka untuk perniagaan, dan/atau ketika disimpan di dalam peti simpanan sepanjang malam.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini memberi perlindungan terhadap:

- a) **Wang Tunai Ketika Transit** – Kehilangan wang tunai ketika ia dibawa dari premis orang yang diinsuranskan ke bank dan balik semula serta diiringi oleh pekerja yang diberi kebenaran oleh orang yang diinsuranskan.
- b) **Wang Tunai Di Dalam Premis** – Kehilangan wang tunai ketika disimpan di dalam premis perniagaan dan wang tunai yang disimpan di dalam peti simpanan/bilik kebal akibat daripada kecurian atau rompakan yang disertai dengan keganasan yang dilakukan oleh individu selain daripada pekerja orang yang diinsuranskan.
- c) **Kerosakan Pada Peti Besi Simpanan** – Kehilangan atau kerosakan pada peti besi simpanan dan bilik kebal akibat daripada kecurian atau sebarang cubaan untuk melakukannya.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Premium yang perlu dibayar bergantung kepada jumlah wang tunai ketika transit dan juga wang yang disimpan di dalam premis perniagaan.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen Insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Polisi ini boleh dilanjutkan untuk perlindungan Kemalangan Diri dengan bayaran premium tambahan.
- b) Anda perlu memberitahu kami secara bertulis jika berlaku sebarang kemalangan yang boleh melibatkan tuntutan bagi polisi tersebut.
- c) Jika anda mengambil mana-mana perlindungan insurans yang memberi perlindungan ke atas liabiliti yang sama, kami tidak bertanggungjawab untuk membayar melebihi kadar yang dinyatakan.
- d) Jika terdapat sebarang kesilapan pada maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan, polisi ini terbatal dan tidak sah.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak menawarkan perlindungan untuk:

- a) Sebarang kerugian disebabkan atau akibat daripada nota bank atau wang tunai palsu.
- b) Kehilangan atau kerosakan akibat daripada atau melalui pakatan sulit atau penggelapan wang palsu.

- c) Kehilangan akibat daripada wang yang ditinggalkan di dalam kenderaan tanpa dijaga.
- d) Sebarang kerugian disebabkan oleh atau berlaku akibat daripada mogok, rusuhan atau kegeparan awam.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada kadar jangka-pendek, di mana sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk memberitahu syarikat kami jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini bagi memastikan bahawa urusan surat-menyurat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila lawati laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau hubungi mana-mana pejabat cawangan kami di seluruh negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.